

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
Department of Agriculture and Agrifood

PENYELENGGARAAN TANAMAN ORKID



Unit Industri Florikultur
dan Koridor Inovasi Bio
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam

Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba
(Rimba Garden Centre)
Rimba, Gadong BE3119
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 2426147
Fax : +673 2426149

PENYIRAMAN



- Siram dua kali sehari ketika cuaca panas.
- Siram keseluruhan tanaman satu persatu termasuk batas, pasu dan medianya.
- Jangan menyiram lewat petang, ianya m e n g g a l a k k a n pertumbuhan penyakit kulat.
- Jangan menyiram semasa

terik matahari, mendatangkan kelecuman pada permukaan daun.

MERUMPAI (WEEDING)

- Mengelakkan saingan dalam pengambilan bahan tanaman.
- Mengurangkan musuh pokok yang mungkin terdapat pada rumpai.
- Menjadikan kawasan kelihatan bersih dan cantik.



SUNGKUPAN (MULCHING)

- Meningkatkan kelembapan dan menyejukkan kawasan persekitaran.
- Mengelakkan pertumbuhan akar.
- Mengurangkan hakisan tanah.
- Membanyakkan bahan organik.
- Mengawal rumpai



NAUNGAN ATAU RUMAH LINDUNG

- Mengurangkan sinaran matahari yang terik
- Memulihkan pertumbuhan dan mengalakkan pengeluaran akar bagi tanaman yang baru ditanam atau dipindah
- Membantu pertumbuhan tanaman menjadi subur, hijau, sihat dan tidak mudah diserang penyakit
- Melindungi bunga yang sedang berkembang terhadap timpaan hujan lebat

KAWALAN PENYAKIT DAN PEROSAK ORKID

- Kawalan penyakit dan perosak merupakan satu perkara amat penting untuk diambil perhatian. Ini kerana ia mempengaruhi kualiti kehidupan orkid.
- Penyakit orkid boleh dikelaskan kepada 3 elemen iaitu:
 - Virus
 - Bakteria
 - Kulat (Fungus)

VIRUS

- Virus agak sukar untuk di kenal pasti secara teliti kerana memerlukan ujian makmal.
- Awda cuma dapat mengenal melalui tanda-tanda penyakit saja.



Langkah Pengawalannya:

- Memusnahkan pokok orkid yang dijangkiti dengan cara dibakar.
- Menjaga kebersihan kawasan penanaman.
- Pastikan peralatan sentiasa bersih dengan merendam didalam campuran air dengan 10% clorox
- Gunakan tanaman yang bersih daripada jangkitan virus.

BAKTERIA

- Penyakit orkid disebabkan bakteria menyamai dengan penyakit bawaan kulat.
- Biasanya penyakit bawaan bakteria ialah reput pada mana-mana bahagian pokok dan berbau busuk.
- Fakor jangkitan, keadaan tempat penanaman yang terlalu lembab dan pengudaraan yang kurang baik.

Reput Busuk Bakteria




Langkah Pengawalannya:

- Elakkan penyiraman yang berlebihan.
- Pangkas dan bakar daun-daun yang terkena serangan.
- Sentiasa menjaga kebersihan alat-alat tanaman.
- Sembur dengan racun kulat yang disyorkan terutama di bawah permukaan daun.

KULAT (FUNGUS)

- Tanda seperti disebabkan oleh bakteria tetapi kadar merebaknya lebih lambat dan tidak mengeluarkan bau busuk
- Punca utama jangkitan, keadaan tempat penanaman yang terlalu lembab, pengaliran air kurang sempurna dan pengudaraan yang kurang baik



Langkah Pengawalannya:

- Cabut, pangkas mana-mana tanaman yang terkena serangan, jika perlu di bakar.
- Elakkan penyiraman dan pembajaan yang berlebihan.
- Lakukan semburan racun kulat jika perlu.

SERANGGA PEROSAK

- Serangan serangga terhadap orkid adalah sesuatu yang biasa. Antara serangga yang popular meyerang orkid adalah:
 - a. Semut
 - b. Aphids
 - c. Lipas
 - d. Kumbang
 - e. Thrips
 - f. Mites
 - g. Scale insects
 - h. Siput
- Aphids, mites, scale Insects dan Thrips adalah penghisap cecair tumbuhan. Mereka biasa didapati dibawah daun orkid dan mudah dilihat dengan mata kasar. Ianya akan menyebabkan pertumbuhan pokok terencat



Mites



Aphids



Thrip



Scale insect

KESAN-KESAN SERANGGA PEROSAK



RACUN SERANGGA DAN PENYAKIT

- Beli racun yang boleh merawat penyakit yang anda kehendaki. Biasanya pengeluar akan memberi informasi ini pada bungkusan racun. Ini kerana kadangkala terdapat penjual yang kurang pengetahuan mengenai penyakit orkid dan racun yang sesuai untuk rawatan

CARA-CARA PENGAWALAN SERANGGA PEROSAK DAN PENYAKIT

- Jangan selalu memakai satu jenis racun kimia terus menerus selama beberapa tahun, ini menimbulkan kekebalan.
- Gunakan cara pusingan bahan aktif tersebut.
- Amalkan penyemburan kawalan racun tersebut, mengikut jadual dan kadar sukatan yang telah disyorkan.



PEMBAJAAN

- Pembajaan adalah sesuatu yang mesti diberi kepada tanaman termasuk orkid untuk mendapatkan kualiti hidup orkid yang lebih baik.

PANDUAN MEMILIH BAJA

- Dipasaran terdapat pelbagai jenis baja yang dijual untuk pilihan pengguna. Jika inginkan tumbesaran pokok anda perlukan baja yang mengandungi kadar nitrogen (N) yang lebih tinggi. Jika untuk pembungaan, anda perlukan baja yang kandungan fosforus (P) dan kalium (K) yang lebih tinggi.

1. BAJA INORGANIK (BAJA KIMIA)



CARA PEMBAJAANNYA

- Pembajaan sesuai dijalankan pada awal pagi dan lewat petang
- Penyemburan baja hendaklah di tujukan ke arah daun, akar dan sekeliling pangkal pokok. (Penyerap nutrien)
- Pancutan hancuran baja yang keluar dari alat penyembur baja hendaklah tidak terlalu laju, cukuplah dengan butiran halus dan tidak terjadi pembaziran
- Sukatan baja dan jangkamasa pembajaan mengikut kadar yang disyorkan oleh pengeluar bungkusan

2. BAJA ORGANIK



Najis Ayam



Najis Kambing

CARA PEMBAJAANNYA

- Dengan cara menabur beberapa ketulan baja disekeliling pohon orkid tertakluk kepada size, bentuk dan jenis orkid.